

Forum tumpui isu nasional yang jejas Melayu/Islam

*AMP usahakan
ComFor dalam
format baru*

MENGAMBIL skop lebih luas, seminar tahunan Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima) dan Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang dianjurkan hari ini akan memberi tumpuan terhadap isu-isu nasional yang menjejaskan masyarakat Melayu/Islam.

Dalam kenyataan semalam, AMP dan Rima menjelaskan bahawa matlamat Forum Masyarakat (ComFor) yang disarankan AMP sebelum ini kini diubah dalam format baru Masyarakat Dalam Tinjauan.

“Seminar tahunan Masyarakat Dalam Tinjauan yang dianjurkan Rima dengan kerjasama AMP akan memberi tumpuan terhadap isu-isu nasional yang menjejaskan masyarakat Melayu/Islam.

“Pendekatan antara etnik berorientasikan isu itu sejajar dengan satu daripada 18 strategi yang dibentangkan Konvensyen AMP Ketiga Jun lalu.

“Satu lagi strategi, iaitu pembentukan ComFor, telah dipinda.

“Matlamat ComFor kini akan diusahakan di bawah format Masyarakat Dalam Tinjauan yang baru,” menurut kenyataan itu lagi.

Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Ehwal Luar, Encik K. Shanmugam, akan hadir sebagai Tetamu Terhormat di seminar yang diadakan di Orchard Hotel bermula 8.30 pagi.

Encik Shanmugam akan juga menyertai sesi dialog selama lebih sejam dengan para peserta sekitar 9 pagi.

Seminar tahunan ini antara lain akan membincangkan isu mobiliti sosial di Singapura.

Ia akan juga membahaskan dua model dasar yang digunakan untuk menanganinya.

Seminar itu akan juga membincangkan keberkesanan pelan tindakan nasional berdasarkan kelas.

Ini berbanding pendekatan berdasarkan masyarakat atau etnik dalam menangani ketidaksamaan sosial di kalangan penduduk Singapura, di samping pelbagai persoalan mengenai mobiliti sosial di kalangan kumpulan etnik di Singapura.

ComFor disarankan panel kepimpinan, masyarakat sivil dan karyawan muda dalam konvensyen AMP Jun lalu sebagai wadah bebas membincangkan isu-isu penting yang menjejaskan masyarakat Melayu/Islam.

Menyusuli pelbagai reaksi dan maklum balas, AMP membatalkan idea tersebut Ogos lalu dan menerapkan objektif ComFor dalam format baru itu.

Para peserta juga dijangka membahaskan sama ada tindakan afirmatif sesuai dilaksanakan pemerintah.

Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, akan juga memberi perkembangan terkini mengenai beberapa saranan dan strategi yang dibentangkan sewaktu Konvensyen AMP.

Ini seperti ekspatriat Muslim dan Kepimpinan, Masyarakat Sivil dan Karyawan Muda.